

UCAPAN TAHNIAH DAN IKRAR TAAT SETIA KEPADA
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI PERTUAN AGONG OLEH Y.A.B.
PERDANA MENTERI, DATO HUSSEIN ONN, SEMPENA
HARI KEPUTERAAN RASMI BAGINDA PADA HARI
RABU, 3HB. JUN, 1981 JAM 11.00 PAGI DI
ISTANA NEGARA.

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Sultan Haji Ahmad
Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum
Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azdzam
Shah, D.K.M.,
Yang Di Pertuan Agong,

Ampun Tuanku.

Pada hari yang berbahagia ini, patek bagi pihak
diri patek sendiri serta bagi pihak Kerajaan dan rakyat sekalian,
dengan penuh hormat dan takzim mohon menyembah setinggi-tinggi
ucapan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena
Hari Keputeraan Rasmi Baginda Tuanku pada hari ini.

2. Patek sekalian berdoa ke hadrat Allah Subhanahu
Wataala semoga, dengan limpah kurniaNya, dilanjutkan usia Kebawah
Duli Tuanku serta Baginda Raja Permaisuri Agong, dan semoga
Baginda Tuanku berdua sentiasa berada di dalam keadaan sihat
wal'afiat serta kekal memerintah dan berkhidmat dalam jawatan
yang tertinggi di Persekutuan ini dengan bertambah-tambah daulat
dan kemuliaannya.

...2/-

Ampun Tuanku.

3. Tempoh selama lima tahun di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang berakhir tahun lalu telah membawa banyak kemajuan. Faedah daripada kemajuan ini telah dinikmati oleh keseluruhan rakyat. Ekonomi negara telah berkembang dengan pesatnya. Kadar kemiskinan dan pengangguran telah berkurangan. Penyertaan kaum bumiputera di dalam kegiatan ekonomi telah menjadi bertambah baik.

4. Program-program di bawah Rancangan Malaysia Keempat yang dilancarkan baru-baru ini akan membawa perubahan yang lebih pesat lagi. Di samping memberi keutamaan kepada program-program pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat serta program pembekalan kemudahan asas, Rancangan Malaysia Keempat juga memberi keutamaan kepada pertahanan negara. Kepentingan yang diberikan kepada pertahanan negara adalah wajar memandangkan kepada perkaitan di antara pembangunan dan keselamatan. Suasana politik antarabangsa dan serantau memerlukan kita meningkatkan kemampuan pertahanan bagi memelihara kedaulatan negara. Patek sekalian yakin bahawa dengan usaha-usaha yang dirancangkan serta penglibatan rakyat dan kerjasama semua pihak, matlamat-matlamat Kerajaan untuk mengukuhkan perpaduan, menjamin keselamatan dan meningkatkan kemakmuran, Insya'Allah, akan tercapai.

Ampun Tuanku.

5. Patek sekalian penuh yakin bahawa, dengan pimpinan Tuanku, negara akan sentiasa aman sejahtera dan makmur, dan

kehidupan sekelian rakyat akan bertambah baik serta perpaduan di kalangan mereka akan bertambah kukuh. Patek bersama-sama dengan Menteri-menteri yang lain serta Timbalan-Timbalan Menteri, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi kemampuan dan keupayaan patek sekelian bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan lagi.


Ampun Tuanku.

6. Sempena upacara yang penuh istiadat ini, patek bagi pihak diri patek sendiri dan bagi pihak Kerajaan dan rakyat sekelian dengan segala hormat dan takzimnya mohon menyembah ikrar taat-setia yang tidak berbelah-bahagi kepada Kebawah Duli Tuanku.

Ampun Tuanku.

7. Sekian, sembah patek harap diampun.

Pejabat Perdana Menteri,
Jalan Dato Onn,
Kuala Lumpur.





No. Siri	522
No Penerimaan	1/82